

# Hotel Kempinski pertama di Malaysia bakal dibina

**GAMBARAN** arkitek projek bersepadu Conlay 8 yang merangkumi tiga menara termasuk Hotel Kempinski (kiri).

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

[ekonomi@utusan.com.my](mailto:ekonomi@utusan.com.my)

**KUALA LUMPUR 18 Nov.** - KSK Group Bhd., dan Kempinski Hotels bekerjasama untuk membina Hotel Kempinski, jenama hotel mewah dari Eropah yang pertama di Malaysia.

Pengarah Eksekutif KSK Group, Joanne Kua berkata, pembinaan hotel itu sebahagian daripada projek bersepadu Conlay 8 di Jalan Conlay di sini.

Katanya, mereka telah menerima kelulusan arahan pembangunan (DO) daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan projek itu bakal dilancarkan pada suku pertama 2015.

"Pemilihan Kempinski Hotels sebagai rakan usaha sama berikutan pengalaman hotel berkenaan dalam bidang perhotelan sejak 1897 di samping reka bentuk bangunan yang berlainan di setiap negara," katanya dalam taklimat kepada media mengenai projek itu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Presiden Kanan Pembangunan Kempinski Hotels, Mike Haemmerli.

Projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM4 bilion itu dibina di tapak berkeluasan 1.6 hektar dan dilaksanakan oleh anak syarikat KSK Group, KSK Land Sdn. Bhd. serta bakal menampilkan tiga menara serta podium perniagaan berkeluasan 200,000 kaki persegi.

Hotel Kempinski setinggi 62 tingkat sementara dua menara lagi, masing-masing setinggi 60 dan 55 tingkat membabitkan sebanyak 1,092 servis apartmen. Pembinaan projek Conlay dijangka siap menjelang 2020.

Mengenai sumbangan projek hartanah kepada perolehan KSK Group, Kua berkata, ia masih pada tahap sederhana berbanding segmen perniagaan teras syarikat iaitu insurans yang dijalankan di Indonesia dan Thailand.

